# Gigi Palsu


**PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER**

**Taman U 大学城 :** 26A, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel/Fax:607-521 1111, 607-5208508 SMS: 6012-8800100 HP: 6 014-888 9000
**Taman Sentosa 新山大丰:** 25A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru. Tel : 07-333 3000 SMS: 6013-222 3000 HP: 6014-800 2000
**UDA/Tampo i 新山 乌达/淡杯 :** 39-01,Jalan Padi Emas 1/3, Uda Business Center, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru Tel: 607-2 444 666 SMS: 6016-6 800 200 HP: 6016-6 800100
**Taman Molek 百合:** 84-01,Jalan Molek 2/2, Taman Molek, 81100, Johor Bahru. Tel : 07- 35 33 222 SMS:6 016-6 300 500 HP: 6019-500 8 500
**Bukit Indah 武吉英达:** 65 , Jalan Indah 16/12, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru, Johor. Tel: 07-232 GIGI, 07-232 4444, SMS:6 014-9 900 900 HP: 6014-888 2000
**Mount Austin 奥士丁 :** 70-01, Jalan Austin Heights 8/7, Taman Mount Austin, 81100 Johor Bahru. Tel: 607-364 3477 SMS: 6013-500 6 700 HP: 6016-200 4 500
**Masai/Seri Alam 马赛/斯里亚南:**25-01, Jalan Suria 3, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Bahru. Tel: 6014-803 0000

**U Dental Specialist Clinic 优牙科专科诊所 Klinik Pakar Pergigian U**

65A, Jalan Indah 16/12, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru, Johor. Tel: 607-234 2000 SMS: 6014-508 0000 HP: 6019-500 6 900
www.gigi.my info@gigi.my


## MAKLUMAT PESAKIT TAMAN U DENTAL SURGERY: MEMBUAT KEPUTUSAN BIJAK

Jaminan Terhad: Pembetulan Percuma 60 hari
Jika anda tidak bersetuju dengan syarat jaminan ini sila kembalikan kertas dan batalkan gigi palsu anda dalam 24 jam, klinim hanya akan cas bayaran model sahaja.
Klinik ini memberi waranti terhad selama 60 (Enam puluh) hari selepas anda mendapat gigi palsu.
Jika terdapat sebarang masalah, sila datang untuk review/ pembetulan dalam masa 60 (Enam puluh) hari secara PERCUMA, tidak lebih 8 (Lapan) kali. Kalau tidak, waranti ini dianggap lepas. Review/pembetulan gigi palsu selepas waranti boleh dikenakan bayaran minimal.
**(waranti terhad = dalam masa 60 hari atau pembetulan tidak lebih 8 kali, mana yang terdahulu).**
Gigi palsu mungkin perlu dibetulkan lebih dari satu kali, sila jangan datang pada akhir tempoh warranti.
Waranti ini untuk memberi keyakinan bahawa gigi palsu yang diprescibe oleh klinik ini mencapai standard "esthetically pleasant and functtional acceptable". Waranti ini tidak termasuk pecah /retak pada base atau gigi. Ia juga tidak melindungi perbuatan cuai , sengaja atau tidak sengaja yang menyebabkan kerosakan gigi palsu.
Sekiranya anda masih tidak puas hati , selepas 8 kali pembetulan (atau 60 hari ) tersebut, potongan 50% ( berdasarkan harga gigi palsu yng sedia ada ) akan diberikan jika rawatan tambahan dipilih.
Timbangkan gigi palsu baru dengan rekabentuk / bahan berlainan, ataupun cara-cara lain untuk mengantikan gigi palsu, iaitu jambatan gigi dan implan.
Jika anda hendak cepat dan perlukan gigi palsu pada tarikh tertentu, sila beritahu doctor SEBELUM rawatab bermula. Doktor perlu berbincang dengan juruteknik. Jika kedadaan membenarkan bayaran overtime atau penghantaran khas mungkin dikenakan.

**<u>EMPAT PERINGKAT MEMBUAT GIGI PALSU</u>**

1a.)**Ambil model.**
1b.)Ambil model **kali kedua/khas** (jika tiada gigi asli langsung)
2)**Gigitan lilin:** untuk menilai hubungan rahang atas dan bawah.(jika bilangan gigi asli terlalu sedikit, anda mungkit terlebih gigit di depan)
3.)**Cuba sample:** Menilai rupa gigi palsu.
Gigi adalah betul tetapi lilin merah masih tidak ditukar ke plastik, jadi tapak lilin adalah lebih longgar. Rupa, susunan gigi, keluasan tapak perlu dinilai dan dibetulkan diperingkat ini.
4.)**Memberi/Mendapat** gigi palsu plastic.
5.)**Mengubah suai** selepas mendapat gigi palsu.
Peringkat 2 tidak diperlukan jika cukup gigi asli yang tinggal.
Peringkat 3 hanya dilakukan jika bilangan gigi palsu lebih dari lapan biji. Jika anda membuat kurang dari lapan biji, tetapi sangat pentingkan rupa gigi depan, sila BERITAHU AND MEMINTA doctor gigi supaya cuba sample dilakukan tanpa terus membuat plastic.

**<u>GIGI PALSU SEGERA (IMMEDIATE DENTURE)</u>**

Jika ada gigi yang perlu dicabut, anda segan keluar rumah tanpa gigi palsu. Jika ana gigi palsu sedia ada, gigi boleh ditambah atas gigi palsu lama. Jika tiada gigi palsu, anda boleh siapkan gigi palsu baru sebelum cabutan dilakukan.

**<u>BAYARAN DAN PEMBATALAN</u>**

Selepas mengambil model, bayaran separuh deposit diperlukan. Bayaran hendak diselesaikan kali berikutnya atau secara ansuran sehingga mengambil gigi plasu.
Klinik akan cuba sedaya upaya untuk menyiapkan gigi palsu pada masa yang dijangkakan. Jika terdapat sebarang kelambatan, bukan alas an untuk membatalkan gig palsu. Naman, pesakit boleh membatalkan gigi palsu pada bila-bila masa tetapi deposit akan ditolak berdasarkan peringkat pembuatan gigi palsu. Maksimum separuh harga deposit akan dipulangkan.

**<u>MASALAH MEMAKAI GIGI PALSU BARU</u>**

- ❑ Tidak selesa : cakap tidak betul, makan tidak sedap.

Keadaan ini mungkin berterusan berapa hari sehingga anda dapat menyesuaikan diri. Orang tua dan mereka yang tidak berpengalaman pakai gigi palsu lebih susah untuk meyesuaikan diri.

- ❑ Sakit apabila gigit.
- ❑ Ulser/luka dibawah atau tepi gigi palsu.
- ❑ Gigi palsu ketat, gigi asli berdekatan sakit sedikit.
- ❑ Gigi palsu longgar, senang terjatuh apabila cakap/makan.
- ❑ Gigi palsu terlalu besar, rasa loya, muntah.
- ❑ Banyak air liur.
- ❑ Rupa wajah bertukar, khasnya gigi palsu depan.

Memakai gigi palsu baru mungkin tidak senang, khasnya apabila anda tiada sebarang gigi asli.
1. Pembelajaran diperlukan.
Jarang sekali gigi palsu boleh dimasuk dan terus dipakai dengan selesa. Anda perlu belajar menggunakan atau mengawalkannya, dengan lidah /otot.
2. Terlalu biasa /ketagih dengan gigi palsu lama, susah menerima yang baru.
Tiada 2 gigi palsu yang boleh dibuat serupa. Cubalah gigi palsu baru, kerana ia dibuat berdasarkan ciri-ciri terbaru mulut anda. Ada masalah jumpa doctor anda segera.
3. Perubahan tabiat diperlukan.
Misalnya memakan epal, potong kepada kepingan kecil dahulu.
4. Gigi palsu baru mungkin perlu diubahsuai berapa kali, bahagian yang tertekan/menyakitkan gusi perlu dikisar; akhirnya lapisan lembut mungkin perlu ditambah bawah gigi palsu.

**<u>PENJAGAAN GIGI PALSU.</u>**

Amaran : jangan pakai gigi palsu waktu tidur.
Gigi palsu boleh menyebabkan kerosakan gigi/gusi yang teruk. khasnya pada pinggir gigi palsu yang bersentuhan dengan gusi dan gigi. Gigi palsu dan mulut menjadi berbau, tanpa anda sedari
Oleh itu, sebelum tidur masukkan gigi palsu dalam bekas yang berisi air . Jangan rendam dalam air panas atau peluntur(misalnya klorox). Jika hendak
Tambah sebarang ubat, gunakan jenis yang khas untuk gigi palsu.anda boleh juga cuba mesin yang mencuci gigi palsu.
Jagalah kebersihan gigi palsu dan gigi asli.
Sesetengah gigi palsu mungkin ada wayar/cangkuk. Ccangkuk ini biasanya tidak mengores/merosakkan gigi.
Akan tetapi gigi yang dicangkuk mungkin rosak kerana kotoran pada cangkuk yang tidak dibersihkan.

**<u>MELANJUTKAN USIA GIGI PALSU ANDA.</u>**

Bersihkannya di atas basin, bukan di atas tandas.
Anda mungkin menjatuhkannya diatas lantai ,ataupun terjatuh dalam tandas.
Jangan simpannya dalam poket kerana anda mungkin memechkannya.simpankannya dalam Kotak yang boleh menahan tekanan.
Jangan gigit benda yng terlalu keras.
Gigi palsu yang pecah perlu diperbaiki atau dibuat yang baru.
Memaki (serpihan) gigi palsu yang pecah boleh membahayakan anda.
Buatlah gigi palsu kedua ( spare/standby) jika anda malu keluar dari rumah tanpa gigi palsu.
Masuk dan keluar gigi palsu mengikut arah yang ditunjukkan oleh doctor. Jangan pegang atau bengkokkan pada bahagian yang nipis atau senang terherot (misalnya wayar).
Jika anda pernah mabuk,gila babi (epilepsy) hingga tidak sedar diri, ataupun selalu muntah, gigi palsu yang tetap (iaitu tidak boleh tanggal , misalnya jambatan gigi) lebih sesuai untuk anda.

**<u>Bilakah gigi palsu perlu diganti?</u>**

1. Anda perlu tukar gigi palsu antara 3-5 tahun sekali. Masa ini berbeza mengikut keadaan seseorang.
2.Jangan pakai satu gigi palsu berpuluh tahun. Tulang anda semakin kecut dan gigi palsu tidak padan lagi.
Memakai gigi palsu yang tidak padan akan menyebabkan/mempercepatkan kerosakkan tisu mulut tanpa anda
3. Gigi palsu yang sudah pecah dan diperbaiki berulang kali sila tukarlah yang baru.

www.gigi.my